

## PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Penyata maklumat sijil ini menyediakan ringkasan ciri-ciri utama pelan anda dari Sun Life Malaysia Takaful Berhad (dirujuk sebagai “kita” atau “kami”) untuk tujuan memberi maklumat. Penyata maklumat sijil ini tidak membentuk suatu kontrak takaful. Adalah amat penting bagi anda, sebagai orang yang dilindungi dan/atau pemilik sijil, untuk membaca dan memahami sepenuhnya maklumat yang terkandung. Sila rujuk kepada kontrak induk untuk terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian yang menyeluruh. Anda juga boleh mendapat dan muat turun satu salinan kontrak induk dari laman web kami di [sunlifemalaysia.com](http://sunlifemalaysia.com).

### 1. Pemegang kontrak induk

Pemegang kontrak induk, yang dicatatkan di dalam sijil takaful ialah organisasi atau institusi yang dinamakan sebagai pemegang kontrak induk dalam jadual kontrak induk.

### 2. Bukti umur

Bukti umur ketika kemasukan atau sebelum bayaran manfaat-manfaat di bawah sijil adalah diperlukan. Sijil dokumen-dokumen anda akan menyatakan sama ada umur anda telah diakui. Sekiranya ia belum diakui, kami menggalakkan anda menyerahkan salinan kad pengenalan, pasport atau sijil kelahiran kepada kami dengan segera sebagai bukti umur untuk rekod kami.

### 3. Pembayaran sumbangan dan tempoh tenggang

Pembayaran sumbangan akan ditanggung oleh kami.

### 4. Tempoh perlindungan

Perlindungan takaful bagi setiap orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh permulaan sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful orang yang dilindungi.

### 5. Manfaat-manfaat

<b>Kematian</b>	<p>Tertakluk kepada peruntukan am daripada kontrak induk, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang dilindungi pada tarikh kematian untuk manfaat kematian.</p> <p>Jika berlakunya kematian pada orang yang dilindungi, 100% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar daripada dana tabarru' peserta, tertakluk kepada pengecualian seperti yang disenaraikan, secara bayaran sekaligus. SLMT akan menggunakan tuntutan kematian untuk pilihan yang berikut:</p> <p>Pilihan 1: untuk menyalurkan manfaat tuntutan kematian sebanyak RM8,000 kepada Yayasan Waqaf Malaysia (“YWM”) sebagai waqaf bagi pihak orang yang dilindungi.</p> <p>Pilihan 2: untuk menunaikan badal haji bagi pihak orang yang dilindungi, dan sebarang baki jumlah tuntutan kematian, selepas menolak kos pengurusan badal haji, akan disalurkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (“YWM”) sebagai waqaf bagi pihak orang yang dilindungi.</p> <p>Sekiranya pengatur perkhidmatan badal haji dengan penyedia perkhidmatan tidak tersedia dan/atau kos pengatur untuk perkhidmatan badal haji adalah melebihi tinggi daripada jumlah manfaat tuntutan kematian sebanyak RM8,000, atau berlaku perubahan undang-undang dan peraturan, SLMT akan menyalurkan jumlah manfaat tuntutan kematian sebanyak RM8,000 kepada Yayasan Waqaf Malaysia sebagai waqaf bagi pihak orang yang dilindungi.</p>
-----------------	---

## 6. Pengecualian-pengecualian

<b>Kematian</b>	<p>Kami tidak akan membayar manfaat jika kematian orang yang dilindungi adalah disebabkan oleh membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) atau keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan siji. Dalam keadaan ini, sijil akan ditamatkan.</p> <p>Pengecualian ini tidak akan berkuatkuasa selepas tahun perlindungan pertama.</p>
-----------------	---

## 7. Takrifan

- a) **Ulang tahun sijil** bermaksud ulang tahun yang pertama dan yang berikutnya bagi sijil takaful ini bermula dari tarikh permulaan sijil.
- b) **Tarikh permulaan sijil** bermaksud tarikh permulaan seperti yang tertera di dalam jadual sijil dan merupakan tarikh di mana perlindungan takaful untuk sijil takaful ini bermula.
- c) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud sebelum tarikh permohonan ditandatangani. Orang yang dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan munasabah mengenai penyakit sedia ada sekiranya keadaan tersebut adalah sesuatu, yang mana:
  - (a) rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun dicadangkan atau diterima;
  - (b) seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
  - (c) kewujudannya telah diketahui oleh orang yang dilindungi, sama ada telah atau tidak, rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis dicadangkan atau diterima.
- d) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.
- e) **Shariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks sijil ini, prinsip Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditafsirkan oleh jawatankuasa Syariah.
- f) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang kami bentuk untuk memberi nasihat ke atas operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi prinsip Syariah
- g) **Tabarru'** bermaksud amaun sumbangan sukarela yang akan ditolak untuk perlindungan takaful.
- h) **Wakalah** bermaksud kontrak di mana pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan
- i) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad
- j) **Anda** bermaksud orang yang memiliki sijil takaful seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful ini.

## 8. Membayar manfaat

Selepas menerima dan meluluskan bukti tuntutan orang yang dilindungi, kami akan membayar manfaat takaful berkenaan di bawah sijil takaful kepada Yayasan Waqaf Malaysia atau penyedia perkhidmatan badal haji mengikut persetujuan yang diberikan oleh orang yang dilindungi.

Manfaat takaful yang berkenaan kepada orang yang dilindungi adalah ditentukan berdasarkan kepada sijil takaful yang dikeluarkan berkaitan dengan orang yang dilindungi tersebut. Sijil takaful ini akan ditamatkan sebaik sahaja pembayaran di atas

**9. Memilih penama**

Penamaan adalah tidak berkenaan memandangkan manfaat kematian yang patut dibayar akan digunakan untuk disalurkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia sebagai wakaf atau untuk melaksanakan badal haji bagi pihak orang yang dilindungi.

**10. Tempoh semakan percuma**

Anda boleh membatalkan sijil anda dalam masa 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran sijil takaful ini. Apabila menerima notis pembatalan sijil takaful ini, anda tidak akan lagi menikmati perlindungan takaful.

**11. Yuran wakalah**

Kami akan menolak yuran wakalah daripada sumbangan yang dibayar. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful

Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada orang yang dilindungi sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal

Jika terdapat sebarang keadaan yang dianggap sebagai salah urus dan kecuaiannya oleh kami, kami akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk membetulkan keadaan sedemikian termasuk menyemak semula prosedur yang berkaitan.

Sekiranya berlaku pembubaran sijil takaful ini disebabkan pembatalan dalam tempoh semakan percuma, penyerahan sijil atau penamatan sijil, orang yang dilindungi tidak akan mempunyai perlindungan takaful dan tiada nilai serahan tunai akan dibayar.

**12. Tabarru'**

Kami akan mengambil tabarru' iaitu sumbangan yang dibayar ditolak yuran wakalah dan jumlah tersebut akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta seperti yang dinyatakan di bawah.

Amaun tabarru' adalah tidak terjamin dan kami berhak untuk menyemak semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada orang yang dilindungi sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal. Semakan akan berkuatkuasa pada ulang tahun kontrak yang berikutnya selepas tamat tempoh notis

**13. Dana tabarru' peserta**

Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta, yang merupakan dana pegangan di mana kami membayar semua manfaat takaful seperti yang dinyatakan di bawah sijil takaful ini. Dana tabarru' peserta dimiliki secara kolektif oleh kumpulan peserta takaful.

Perlindungan takaful akan dikuatkuasakan apabila terdapat peruntukkan tabarru' ke dalam dana tabarru' peserta.

Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Syariah. Keuntungan pelaburan (jika ada) akan dikekalkan di dalam dana tabarru' peserta.

Kami akan menguruskan sebarang lebihan dana tabarru' peserta berdasarkan berikut:

- a) Lebihan kekal dalam dana tabarru' peserta; atau
- b) Menderma lebihan kepada mana-mana organisasi kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan menyediakan Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard perlu dibayar balik apabila terdapat keuntungan di dalam dana tabarru' peserta

Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.

**14. Pengembalian semula sijil**

Tidak berkenaan untuk pelan ini.

**15. Penyerahan sijil**

Orang yang dilindungi boleh, pada bila-bila masa semasa hayat orang yang dilindungi dan semasa sijil takaful ini berkuatkuasa, menyerahkan sijil takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semua manfaat dan hak di bawah sijil ini akan tamat. Apabila menerima notis penyerahan sijil, orang yang dilindungi tidak akan lagi menikmati perlindungan takaful.

**16. Penamatan perlindungan takaful**

Kami boleh menamatkan kontrak ini dengan memberi 60 hari notis bertulis kepada orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, perlindungan akan berterusan sehingga tarikh tamat manfaat sijil takaful ini.

Perlindungan takaful akan ditamatkan dalam mana-mana keadaan berikut:

- a) Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
- b) Apabila orang yang dilindungi tidak lagi layak di bawah sijil takaful ini;
- c) Apabila sijil takaful ini diserahkan;
- d) Apabila sijil takaful ini dibatalkan; atau
- e) Setelah tarikh tamat manfaat sijil takaful ini.

**17. Pertukaran alamat**

Jika anda atau penama (penama-penama) anda bertukar alamat, sila maklumkan kami dengan serta-merta. Ini adalah untuk memastikan bahawa anda dan penama (penama-penama) anda dapat menerima semua urusan surat-menyurat dalam masa yang sepatutnya.

**18. Salah nyata umur**

Sijil takaful ini dikeluarkan untuk umur orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan tarikh lahir yang diberikan semasa permohonan. Kami perlu mendapatkan bukti umur orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.

**19. Perubahan kepada sijil**

Kami berhak meminda terma dan peruntukan sijil ini bertujuan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir orang yang dilindungi yang diketahui dalam rekod kami atau mod komunikasi alternatif lain.

Permintaan anda untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada sijil ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah sijil ini.

**20. Prosedur tuntutan**

**a) Tuntutan kematian**

Anda dan wakil sah anda perlu memberitahu kami kejadian kematian dengan serta-merta dan memberi segala maklumat yang berkaitan kepada kami untuk menentukan sama ada manfaat boleh dibayar tanpa sebarang kos, dalam tempoh 30 hari dari tarikh kematian. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kematian akan menyebabkan sebarang tuntutan tidak sah jika ia dapat dibuktikan bahawa secara munasabahnyanya adalah tidak mungkin untuk memberikan

notis tersebut, dan notis ini mesti diberikan kepada kami dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kematian.

Dokumen-dokumen yang diperlukan:

- Borang tuntutan kematian yang lengkap;
- Sijil kematian si mati yang disahkan;
- Permit pengebumian yang disahkan (jika ada);
- Laporan perubatan yang lengkap atas tuntutan kematian. Bagi kes-kes yang tertentu, kami mungkin meminta doktor untuk mengisi borang untuk maklumat tambahan;
- Salinan kad pengenalan/sijil kelahiran si mati yang disahkan;
- Sijil takaful dokumen asal. Sekiranya sijil takaful dokumen asal tidak dapat diperolehi, sila lengkapkan Borang Perlindungan untuk Dokumen Polisi/Kontrak/Sijil yang Hilang/Tidak Diterima;
- Salinan kad pengenalan/sijil kelahiran/pasport pihak yang menuntut yang disahkan
- Salinan buku/penyata bank pihak yang menuntut yang disahkan; dan
- Sebarang dokumen-dokumen lain, sekiranya kami perlukan.

Dokumen-dokumen tambahan yang diperlukan untuk kematian akibat kemalangan:

- Salinan laporan polis yang disahkan
- Salinan laporan *post mortem*/laporan autopsi yang disahkan; dan
- Keratan akhbar (jika ada).

Dokumen-dokumen tambahan yang diperlukan untuk kematian di luar negara:

- Sijil permit import/eksport;
- Salinan sijil kematian dalam bahasa asing hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Inggeris dan disahkan ketulenannya oleh Kedutaan Malaysia di negara tersebut atau kedutaan masing-masing di Malaysia; dan
- Surat pengesahan kematian oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPN).

**21. Khidmat pelanggan dan unit pengaduan**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat sijil takaful anda atau jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan kami mengenai tuntutan anda dan ingin membuat aduan, sila hubungi wakil kami yang diberi kuasa. Sebarang surat-menyurat atau komunikasi kepada kami hendaklah dialamatkan kepada:

**Sun Life Malaysia Takaful Berhad**  
**Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)**  
**Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman**  
**50100 Kuala Lumpur**

Atau, anda boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami di **1300-88-5055**

**22. Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan Bank Negara Malaysia**

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan BNMLINK telah ditubuhkan untuk menawarkan perlindungan kepada anda, dan untuk menyelesaikan pertikaian ke atas penyelesaian tuntutan antara kami dengan anda. Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian ke atas penyelesaian tuntutan, anda boleh menulis kepada alamat berikut:

**Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia

**Bank Negara Malaysia**  
Pengarah  
Jabatan LINK & Pejabat Wilayah BNM  
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB



4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: (03) 2272 2811  
Faks: (03) 2272 1577  
<http://www.fmos.org.my>  
Emel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)

No. 10, Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-88-5465  
Laman Web BNMLINK: [bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)

SAMPLE